

TERHAD

STPM 2017



MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA

SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA

PERATURAN DAN SKEMA PEPERIKSAAN

Edisi: 7 Jun 2017

**Majlis Peperiksaan Malaysia
Persiaran 1, Bandar Baru Selayang
68100 BATU CAVES
Selangor Darul Ehsan**

TERHAD

KANDUNGAN

	<i>Perkara</i>	<i>Halaman</i>
PENGENALAN		3
PERATURAN DAN SKEMA PEPERIKSAAN		
1. Syarat Kelayakan untuk Menduduki Peperiksaan		4
2. Pendaftaran Masuk Peperiksaan		5
3. Pendaftaran Lewat Bagi Calon yang Ingin Memperbaiki Keputusan STPM 2016		8
4. Pembetulan Maklumat		9
5. Pusat Peperiksaan		10
6. Jadual Waktu Peperiksaan		10
7. Perpindahan Pusat Peperiksaan		11
8. Penarikan Diri daripada Peperiksaan		11
9. Penangguhan Peperiksaan		12
10. Penyakit Berjangkit		12
11. Calon Kes Istimewa		12
12. Bahan yang Dibawa oleh Calon		12
13. Perhatian untuk Calon		13
14. Pembatalan Keputusan dan Penyingkiran Calon		14
15. Pemberitahuan tentang Keputusan Peperiksaan		15
16. Kerja Kursus		18
17. Peluang Memperbaiki Keputusan Peperiksaan (Peperiksaan Ulangan)		18
18. Rayuan Penyemakan Semula Keputusan Peperiksaan Penggal		19
19. Sijil		19
20. Laporan Peperiksaan		20
21. Hasil Kerja Calon		20
22. Pemilihan Mata Pelajaran		21
23. Mata Pelajaran yang Ditawarkan dan Buku Sukatan Pelajaran Peperiksaan		22
24. Perhatian		23
SENARAI MATA PELAJARAN DAN KERTAS		24
SENARAI BUKU SUKATAN PELAJARAN PEPERIKSAAN		29
LAMPIRAN 1: “BAJET 2015: EKONOMI KEPERLUAN RAKYAT”		30

PENGENALAN

Majlis Peperiksaan Malaysia yang ditubuhkan di bawah Akta Majlis Peperiksaan Malaysia 1980 [Akta 225] merupakan badan berkanun persekutuan yang beroperasi di bawah naungan Kementerian Pendidikan Malaysia. Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM) ditadbir oleh lembaga pengelola yang disebut "Majlis" yang keanggotaannya terdiri daripada 19 orang Naib Canselor universiti awam tempatan, Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Malaysia, Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia, Pengarah Lembaga Peperiksaan, Ketua Eksekutif Majlis Peperiksaan Malaysia, dan lima orang ahli yang dilantik oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Pengerusi Majlis dilantik oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dalam kalangan Naib Canselor universiti awam tempatan.

MPM dipertanggungjawabkan untuk mengelolakan peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) mulai peperiksaan tahun 1982. Peperiksaan ini menggantikan peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan/*Higher School Certificate* yang dikelolakan oleh Cambridge Assessment, England. Peperiksaan STPM ini dilaksanakan pada setiap penggal di sepanjang tempoh pengajian yang terdiri daripada tiga penggal. Gabungan keputusan terbaik bagi ketiga-tiga penggal ini akan menentukan pencapaian keseluruhan dalam pengajian STPM. Sejalan dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 dan Perancangan Senario MPM 2007 – 2025, MPM juga menitikberatkan soalan kemahiran berfikir aras tinggi dalam peperiksaan STPM. Peperiksaan STPM ini juga bertujuan untuk meningkatkan kualiti pelajar lepasan STPM seperti yang dimatlamatkan dalam bidang keberhasilan utama peringkat Kementerian Pendidikan Malaysia dalam Rancangan Malaysia Ke-10.

Di samping mengurus peperiksaan STPM, MPM juga mengelolakan *Malaysian University English Test* (MUET) mulai tahun 1999. Ujian penguasaan bahasa Inggeris ini wajib diambil oleh pelajar yang ingin mengikuti program ijazah pertama di Universiti Awam (UA) dan juga untuk tujuan bergraduasi berdasarkan pengumuman bajet 2015 oleh YAB Perdana Menteri Malaysia (**Rujuk Lampiran 1** pada halaman 30). Ujian MUET ditadbirkan tiga kali setahun mulai tahun 2012.

Dalam mengelolakan peperiksaan STPM dan MUET, MPM melaksanakan fungsi yang berikut (Akta 225 Seksyen 10):

- (a) menyediakan dan menerbitkan sukatan pelajaran peperiksaan;
- (b) menyediakan kertas soalan peperiksaan;
- (c) mendaftarkan calon peperiksaan;
- (d) mentadbirkan peperiksaan;
- (e) menganugerahkan sijil.

Pentadbiran MPM dan pengurusan peperiksaan dijalankan oleh Urus Setia Majlis yang bertanggungjawab kepada Majlis. Urus Setia Majlis diketuai oleh Ketua Eksekutif yang juga Ahli Majlis dan menjadi Ketua Pegawai Eksekutif, Ketua Pegawai Pentadbir, dan Ketua Pegawai Akademik.

Dalam pengurusan peperiksaan, MPM mendapat kerjasama daripada Kementerian Pendidikan Malaysia, Universiti Awam (UA), Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTA), Cambridge Assessment, England, dan badan profesional yang berkaitan, serta individu yang mempunyai kepakaran khusus.

PERATURAN DAN SKEMA PEPERIKSAAN

1 Syarat Kelayakan untuk Menduduki Peperiksaan

- 1.1 Calon yang mempunyai satu daripada kelayakan yang berikut, termasuk lulus Bahasa Melayu* dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), layak menduduki peperiksaan STPM
- (a) SPM tahun 1999 atau tahun-tahun sebelumnya
 - (b) SPM (Vokasional)
 - (c) *Malaysia Certificate of Education* (MCE)
 - (d) *Federation of Malaya Certificate of Education*
 - (e) *Cambridge School Certificate*
 - (f) GCE/SAP (Malaysia atau *Cambridge* dengan **tiga** kelulusan peringkat biasa** yang diperoleh dalam satu peperiksaan)
 - (g) SPM tahun 2000 hingga tahun 2016 yang diperoleh dalam satu peperiksaan dengan mendapat
 - (i) sekurang-kurangnya gred C bagi **tiga** mata pelajaran, **atau**
 - (ii) sekurang-kurangnya gred C bagi **dua** mata pelajaran dan lulus **empat** mata pelajaran
- 1.2 Calon yang mempunyai mana-mana kelayakan luar negara yang setaraf dengan SPM hendaklah terlebih dahulu memohon kebenaran untuk mengambil peperiksaan STPM daripada MPM.

* Calon yang memenuhi syarat (g) tetapi gagal Bahasa Melayu boleh menggunakan keputusan lulus Bahasa Melayu yang diambil dalam peperiksaan SPM Ulangan. Calon yang berasal dari luar negara dikecualikan daripada syarat lulus Bahasa Melayu peringkat peperiksaan SPM.

** Kelulusan peringkat biasa GCE/SAP bermakna kepujian pada peringkat SPM/MCE.

2 Pendaftaran Masuk Peperiksaan

- 2.1 Pengumuman tentang tarikh pendaftaran dibuka dan tarikh pendaftaran ditutup akan dibuat melalui akhbar tempatan dan “Kalendar Peperiksaan STPM Tahun 2017” pada portal MPM, <http://www.mpm.edu.my> pada bulan April 2016.
- 2.2 Calon yang mengambil peperiksaan ini terbahagi kepada lima jenis seperti yang berikut:
- (a) Calon jenis 1, iaitu calon sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan
 - (b) Calon jenis 2, iaitu calon sekolah swasta
 - (c) Calon jenis 3, iaitu calon persendirian individu
 - (d) Calon jenis 7, iaitu calon sekolah kerajaan negeri
 - (e) Calon jenis 8, iaitu calon sekolah integriti
- 2.3 Semua calon jenis 1, 7, dan 8 dikehendaki mendaftar sekali sahaja, iaitu dalam penggal 1, untuk menduduki peperiksaan STPM bagi ketiga-tiga penggal. Calon dibenarkan mengambil hingga lima mata pelajaran termasuk Pengajian Am. Mata pelajaran Pengajian Am adalah wajib diambil untuk permohonan ke universiti awam.
- 2.4 Calon jenis 1, 7, dan 8 **tidak** boleh menukar status jenis calon ke jenis 2 (sekolah swasta) atau jenis 3 (persendirian individu) tanpa kebenaran. Calon mesti menulis surat kepada MPM memaklumkan perkara ini. Disebabkan yuran STPM adalah percuma kepada calon jenis 1, 7, dan 8, maka calon yang ingin menukar status ke jenis 2 atau jenis 3 **MESTI** membayar yuran kepada MPM terlebih dahulu.
- 2.5 Calon jenis 2 dan 3 boleh mendaftar pada penggal 1 atau penggal 2. Jika calon jenis 2 dan 3 ini membuat pendaftaran pada penggal 2, calon boleh memilih untuk menduduki peperiksaan pada penggal tersebut atau menduduki semua peperiksaan bagi kertas bertulis pada penggal 3. Bagi kertas peperiksaan bertulis pada penggal 1 yang telah berlangsung, calon mesti mendudukinya pada penggal 3 sebagai calon ulangan penggal 1 STPM 2017.
- 2.6 Bayaran yuran* untuk mengambil peperiksaan ini adalah seperti yang berikut:
- (a) Yuran Asas RM120.00
 - (b) Yuran setiap mata pelajaran RM 90.00
 - (c) Caj mengulang peperiksaan bertulis per kertas RM 50.00
- 2.7 Bayaran yuran sekiranya calon menukar status daripada calon sekolah kerajaan (percuma) kepada calon sekolah swasta/persendirian individu adalah seperti yang berikut:
- (a) Yuran Asas RM120.00
 - (b) Yuran setiap mata pelajaran per penggal RM 30.00

Nota: * Calon sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan **dikecualikan** daripada membayar yuran STPM. Walau bagaimanapun, semua calon yang ingin mengulang peperiksaan bertulis sesuatu penggal akan dikenakan caj sebanyak RM50.00 per kertas.

- 2.8 Bagi calon **jenis 2** dan **3**, bayaran yuran STPM hendaklah dijelaskan secara **sekali gus** sama ada calon mendaftar pada penggal 1 persekolahan tingkatan enam bawah atau pada penggal 2 persekolahan tingkatan enam atas. Calon akan mendapat keputusan kod **W** sekiranya yuran peperiksaan **tidak** dijelaskan sepenuhnya.
- 2.9 Calon **jenis 2 dan 3** yang mendaftar pada sesi penggal 2 persekolahan tingkatan enam atas boleh memilih untuk menduduki peperiksaan penggal 2 pada penggal yang berkenaan atau memilih untuk menduduki peperiksaan **sekali gus** bagi semua kertas peperiksaan bertulis pada penggal 3.
- 2.10 Calon yang mendaftar STPM 2017 selepas keputusan peperiksaan STPM 2016 diumumkan juga dikehendaki menjelaskan bayaran yuran STPM secara sekali gus. Calon ini akan dikehendaki menduduki semua kertas peperiksaan bertulis pada penggal 3. Bagi pelaksanaan Kerja Kursus calon, mekanisme pelaksanaan dan penghantaran, sila rujuk perkara pada **para 3.5**.
- 2.11 Pendaftaran masuk peperiksaan bagi **semua jenis calon** hendaklah dibuat secara dalam talian. Pengetua/Setiausaha Peperiksaan Sekolah/Institusi/Calon dikehendaki melayari portal MPM <http://www.mpm.edu.my> bagi tujuan pendaftaran.
- 2.12 Bagi calon jenis 2, Pengetua/Setiausaha Peperiksaan Sekolah/Institusi dikehendaki membayar bayaran asas dan bayaran mata pelajaran STPM yang hendak diambil oleh calon sekolahnya dengan membeli nombor PIN MEC (nombor PIN *Malaysian Examinations Council*) bagi setiap calon daripada Bank Simpanan Nasional (BSN). Caj perkhidmatan BSN sebanyak RM1.00 akan dikenakan bagi setiap pembelian PIN MEC. Calon dinasihatkan merujuk Senarai Mata Pelajaran dan Kertas pada halaman 24-28 sebelum membeli PIN MEC. Calon boleh membeli PIN MEC tersebut melalui cara seperti yang berikut:
- (a) Pembelian di kaunter BSN secara tunai
 - (b) Pembelian PIN MEC secara pukal di kaunter BSN dengan menggunakan cek (bagi calon sekolah swasta sahaja)
- 2.13 Bagi calon jenis 3, calon dikehendaki membayar bayaran asas dan bayaran mata pelajaran STPM yang hendak diambil dengan membeli PIN MEC di kaunter BSN. Caj perkhidmatan BSN sebanyak RM1.00 akan dikenakan bagi setiap PIN MEC.
- 2.14 Pendaftaran untuk menduduki peperiksaan STPM hanya dibuka pada penggal 1 dan penggal 2 sahaja (sila rujuk Kalendar Peperiksaan STPM di portal MPM). PIN MEC yang dibeli (merangkumi pendaftaran STPM untuk penggal 1, penggal 2, dan penggal 3) hanya boleh digunakan untuk membuat pembayaran peperiksaan STPM pada penggal **tahun semasa sahaja** (PIN MEC yang dibeli untuk pendaftaran STPM pada penggal 1 akan tamat tempohnya pada tarikh tutup pendaftaran penggal 1. Calon yang akan mendaftar STPM pada penggal 2 hendaklah membeli PIN MEC pada penggal 2).

- 2.15 Jika calon memaklumkan sebarang kesalahan maklumat peribadi pada hari peperiksaan, iaitu telah **melebihi tempoh 2 minggu dari tarikh LPKC Penggal 1 STPM 2018 dimuat naik** melalui portal MPM, maka **caj sebanyak RM50.00 akan dikenakan**. Ketua Pengawas hendaklah mencatatkan pembetulannya di dalam Buku Rekod Pengawasan. Walau bagaimanapun MPM hanya akan membuat pembetulan tersebut selepas calon menjelaskan bayaran RM50.00 bagi pembetulan maklumat.
- 2.16 Calon bertanggungjawab menentukan bahawa semua butiran dan maklumat yang dimasukkan dalam sistem pendaftaran dalam talian adalah betul dengan menyemak maklumat pendaftaran yang tercatat pada **Penyata Pendaftaran (STPM/PP)** semasa proses pendaftaran dilaksanakan.
- 2.17 Jika calon telah mendaftar bagi sesuatu mata pelajaran dan ingin menukar mata pelajaran itu dengan mata pelajaran yang lain **selepas tamat tempoh pendaftaran**, caj sebanyak **RM50.00** akan dikenakan. Penukaran mata pelajaran selepas tamat tempoh pendaftaran hendaklah dikemukakan **selewat-lewat dua bulan** dari tarikh tutup pendaftaran bagi sesuatu penggal yang berkenaan. Penukaran mata pelajaran hanya boleh dibuat **pada penggal calon membuat pendaftaran sahaja**. Penukaran mata pelajaran **selepas dua bulan** daripada tarikh tutup pendaftaran **tidak akan dilayan**.
- 2.18 Calon jenis 1, 7, dan 8 yang berhasrat untuk menambah mata pelajaran (*calon dibenarkan mengambil maksimum lima mata pelajaran sahaja termasuk Pengajian Am*) selepas tarikh pendaftaran ditutup akan dikenakan caj sebanyak **RM50.00**. Permohonan penambahan mata pelajaran hendaklah dikemukakan **selewat-lewatnya tiga bulan sebelum peperiksaan penggal 2 bermula**.
- 2.19 Calon jenis 2 dan 3 yang ingin menambah mata pelajaran (*calon dibenarkan mengambil maksimum lima mata pelajaran sahaja termasuk Pengajian Am*) selepas tarikh pendaftaran ditutup akan dikenakan caj sebanyak **RM50.00** di samping caj bagi mata pelajaran yang ditambah, iaitu sebanyak **RM90.00** per mata pelajaran. Penambahan mata pelajaran hanya boleh dibuat **pada penggal calon membuat pendaftaran sahaja**.
- 2.20 Calon jenis 1, 7, dan 8 yang berhasrat untuk menambah mata pelajaran dinasihatkan untuk menambah mata pelajaran yang ada ditawarkan di sekolah/institusi masing-masing. Sekiranya mata pelajaran yang hendak ditambah tidak ditawarkan di sekolah, calon hendaklah memilih mata pelajaran yang mempunyai **kertas peperiksaan alternatif bertulis**.
- 2.21 **Penambahan** mata pelajaran selepas tamat tempoh pendaftaran hendaklah dikemukakan **selewat-lewatnya dua bulan** dari tarikh tutup pendaftaran bagi sesuatu penggal yang berkenaan. Caj sebanyak **RM50.00** akan dikenakan di samping caj bagi mata pelajaran yang ditambah. Permohonan yang dikemukakan selepas tempoh tersebut tidak akan dilayan.
- 2.22 Calon STPM 2016 yang lewat mendaftar STPM 2017 disebabkan gagal memasuki IPTA (sila kemukakan bukti penolakan IPTA) boleh mendaftar dalam tempoh **satu** minggu selepas keputusan kemasukan ke IPTA diumumkan, tetapi **tidak dibenarkan** untuk menukar atau menambah mata pelajaran **yang telah didaftarkan**.

- 2.23 Calon boleh menggugurkan sesuatu mata pelajaran tetapi bayaran bagi mata pelajaran yang digugurkan itu **tidak** akan dikembalikan. Calon **tidak** dibenarkan untuk menggugurkan mata pelajaran sekiranya peperiksaan bagi salah satu kertas untuk mata pelajaran tersebut telah diadakan.
- 2.24 Calon jenis 1, 2, 7, dan 8 yang ingin menukar/menambah/menggugurkan mata pelajaran hendaklah mengemukakan permohonan ke MPM melalui Pengetua/Setiausaha Peperiksaan Sekolah/Institusi dan memberi salinan kepada Pejabat Pendidikan Daerah (Unit Penilaian dan Peperiksaan) dan Jabatan Pendidikan Negeri (Sektor Penilaian dan Peperiksaan). Borang tukar/tambah/gugur mata pelajaran boleh dimuat turun dan dicetak daripada portal MPM.
- 2.25 Calon mesti menduduki kesemua kertas yang telah didaftarkan pada setiap penggal. Sekiranya calon **tidak menduduki salah satu** kertas pada penggal yang berkenaan, keputusan kod **X** akan dikeluarkan pada kertas dan mata pelajaran tersebut. Sekiranya calon tidak menghantar kerja kursus atau menduduki kertas alternatif bertulis menggantikan kerja kursus (sila rujuk syarat mata pelajaran) keputusan kod **X** juga akan dikeluarkan. Pengiraan PNGK calon akan terjejas.
- 2.26 Calon boleh menyemak status pendaftaran STPM mereka dengan melayari portal MPM melalui semakan pada Laporan Pendaftaran Kemasukan Calon (LPKC) atau melalui sistem mesej singkat (SMS) dengan menaip **INFOSTPM<jarak><nombor kad pengenalan>**, dan menghantarnya ke talian **15888**. Semakan LPKC hendaklah dibuat pada setiap penggal calon menduduki peperiksaan.
- 2.27 Calon jenis 2 dan 3 **perlu mencetak LPKC** masing-masing pada **setiap penggal** untuk **dibawa ke pusat peperiksaan** sebagai tiket untuk menduduki peperiksaan. Bagi calon jenis 1, 7, dan 8, semakan boleh dibuat **secara berkelompok** melalui Setiausaha Peperiksaan Sekolah/Institusi. Setiausaha Peperiksaan Sekolah/Institusi hendaklah menyediakan buku rekod akuan bahawa semua calonnya telah menyemak LPKC masing-masing. Namun demikian, bagi calon jenis 1, 7, dan 8, calon tidak perlu mencetak LPKC untuk dibawa ke pusat peperiksaan tetapi memadai membawa Kad Pengenalan masing-masing bagi menggantikan LPKC sebagai tiket untuk menduduki peperiksaan.
- 2.28 Setiausaha Peperiksaan Sekolah/Institusi/Calon hendaklah menghubungi MPM (u.p. Setiausaha Bahagian Pengendalian STPM dan MUET) atau Jabatan Pendidikan Negeri (u.p. Sektor/Unit Penilaian dan Peperiksaan) dengan kadar **SEGERA** jika maklumat calon tiada dalam senarai semakan LPKC.
- 2.29 Calon **tidak dibenarkan** menduduki mana-mana kertas peperiksaan sekiranya calon **tidak mendaftar** dalam tempoh pendaftaran yang telah ditetapkan.

3 Pendaftaran Lewat Bagi Calon yang Ingin Memperbaiki Keputusan STPM 2016

- 3.1 Pendaftaran lewat hanya dibenarkan kepada calon yang gagal memasuki UA.
- 3.2 Calon hendaklah membuat pendaftaran lewat dalam tempoh **satu minggu** selepas keputusan kemasukan ke UA dikeluarkan. Permohonan hendaklah dibuat secara bertulis berserta dengan bayaran pendaftaran dalam bentuk Kiriman Wang (*Money order*) atas nama Ketua Eksekutif Majlis Peperiksaan Malaysia terus ke MPM (u.p. Setiausaha Bahagian Pengendalian STPM dan MUET) dengan kadar **SEGERA**.

- 3.3 Calon yang **mendaftar lewat** bagi kes ini hendaklah menduduki peperiksaan bagi ketiga-tiga penggal **sekali gus pada penggal 3**.
- 3.4 Calon yang mendaftar lewat sebagai calon jenis 2 atau calon jenis 3 dikehendaki untuk menduduki peperiksaan kertas **alternatif bertulis** yang menggantikan Kerja Kursus tersebut (sila rujuk Senarai Mata Pelajaran dan Kertas pada halaman 24-28). Namun demikian, sekiranya **tidak** terdapat kertas peperiksaan bertulis alternatif yang sedemikian bagi sesuatu mata pelajaran, maka calon boleh memilih sama ada hendak melaksanakan Kerja Kursus atau **tidak** melaksanakannya mengikut pilihan yang berikut:
- (a) Jika calon memilih untuk **tidak** melaksanakan Kerja Kursus, maka markah Kerja Kursus yang diperoleh oleh calon dalam peperiksaan STPM sebelumnya akan digunakan untuk skor Kerja Kursus tahun mengulang. Kemudahan ini hanya boleh digunakan **sekali sahaja** dan **tidak** boleh digunakan sekiranya calon mengulang peperiksaan STPM dua tahun atau lebih selepas menduduki peperiksaan pertama.
 - (b) Jika memilih untuk melaksanakan Kerja Kursus yang baharu pada tahun mengulang, maka markah Kerja Kursus yang diperoleh oleh calon dalam peperiksaan STPM sebelumnya akan terbatal dan **tidak** boleh merayu untuk diambil markah Kerja Kursus STPM sebelumnya.
- 3.5 Calon yang mendaftar lewat juga dikehendaki menyiapkan Kerja Kursus mengikut keperluan mata pelajaran yang diambil (sila rujuk Senarai Mata Pelajaran dan Kertas pada halaman 24-28). Mekanisme pelaksanaan dan penghantaran Kerja Kursus bagi calon yang mendaftar lewat bagi kes ini akan ditentukan oleh MPM. Sila hubungi Setiausaha Bahagian, Bahagian Pengendalian STPM dan MUET, MPM.
- 3.6 Bagi calon jenis 2 dan calon jenis 3 yang mengambil mata pelajaran baharu berbanding mata pelajaran tahun lepas dan **tiada** markah Kerja Kursus tahun sebelumnya, calon juga dikehendaki mengambil kertas peperiksaan alternatif bertulis yang menggantikan Kerja Kursus. Namun demikian, sekiranya mata pelajaran tersebut **tidak** menawarkan kertas peperiksaan alternatif bertulis yang menggantikan Kerja Kursus, calon dikehendaki melaksanakan Kerja Kursus (sila rujuk Senarai Mata Pelajaran dan Kertas pada halaman 24-28).
- 3.7 Calon hendaklah merujuk kepada sukatan pelajaran peperiksaan STPM untuk mendapatkan maklumat tentang Kerja Kursus. Manual Kerja Kursus boleh dirujuk pada portal MPM.

4 Pembedulan Maklumat

- 4.1 Semua Pengetua/Setiausaha Peperiksaan Sekolah/Institusi/calon diingatkan bahawa sebarang pindaan atau pembedulan maklumat hendaklah dilakukan **selewat-lewatnya dua minggu** selepas tarikh Laporan Pendaftaran Kemasukan Calon (LPKC) dimuat naik pada penggal 1 melalui portal MPM, maka caj **RM50.00** akan dikenakan jika pembedulan maklumat dilakukan selepas tempoh tersebut. (Rujuk tarikh LPKC dimuat naik dalam portal MPM)

- 4.2 Jika calon memaklumkan sebarang kesalahan maklumat peribadi pada hari peperiksaan, iaitu telah **melebihi tempoh 2 minggu dari tarikh LPKC Penggal 1 dimuat naik** melalui portal MPM, caj sebanyak RM50.00 akan dikenakan. Ketua Pengawas hendaklah mencatatkan pembedulannya di dalam Buku Rekod Pengawasan. Walau bagaimanapun MPM hanya akan membuat pembedulan tersebut selepas calon menjelaskan bayaran RM50.00 bagi pembedulan maklumat.
- 4.3 Permohonan pembedulan maklumat hendaklah dibuat menggunakan Borang Pembedulan Maklumat berserta dengan bayaran RM50.00 dalam bentuk Kiriman Wang (*money order*) atas nama Ketua Eksekutif Majlis Peperiksaan Malaysia terus ke MPM (u.p. Setiausaha Bahagian Pengendalian STPM dan MUET). Borang tersebut boleh dimuat turun melalui portal MPM.

5 Pusat Peperiksaan

Senarai pusat peperiksaan bagi sesebuah negeri akan ditentukan oleh Pengarah Pendidikan Negeri (u.p. Sektor/Unit Penilaian dan Peperiksaan) yang berkenaan. Semasa mendaftar, calon hendaklah memilih pusat peperiksaan yang mana calon bercadang hendak mengambil peperiksaan ini. Walau bagaimanapun, Pengarah Pendidikan Negeri (u.p. Sektor/Unit Penilaian dan Peperiksaan) berhak menetapkan/memindahkan pusat peperiksaan di bandar pilihan calon atau di bandar yang berhampiran.

6 Jadual Waktu Peperiksaan

- 6.1 Peperiksaan bertulis akan diadakan pada setiap akhir penggal, manakala Ujian Lisan Bahasa Arab (ULBA) akan diadakan pada penggal 3 dan peperiksaan kertas melukis bagi Seni Visual akan diadakan pada penggal 2.
- 6.2 Jadual waktu peperiksaan bertulis STPM untuk penggal 1, penggal 2, dan penggal 3 boleh dirujuk pada portal MPM pada tarikh pendaftaran penggal 1 dibuka. Jadual waktu peperiksaan ulangan 1, dan ulangan 2, boleh dirujuk pada portal MPM pada tarikh pendaftaran ulangan 1 dibuka.
- 6.3 Masa yang diperuntukkan kepada tiap-tiap kertas soalan akan dinyatakan dalam sukatan pelajaran peperiksaan bagi mata pelajaran yang berkenaan dan dalam jadual waktu peperiksaan. Masa untuk membaca soalan adalah termasuk dalam masa yang dinyatakan bagi setiap kertas dalam jadual waktu peperiksaan. Calon diminta berada 15 minit awal di dalam bilik/dewan peperiksaan daripada waktu peperiksaan sebenar (sila rujuk Jadual Waktu dalam portal MPM).
- 6.4 Kertas yang terlibat dengan pertembungan perlu diduduki oleh calon pada hari yang sama. Calon yang terlibat dengan pertembungan masa peperiksaan hendaklah mendapatkan keterangan lanjut daripada Ketua Pengawas. Ketua Pengawas akan memaklumkan calon tentang waktu peperiksaan bagi kertas yang bertembung itu. Dalam kes ini, waktu rehat calon akan diubah suai oleh Ketua Pengawas.
- 6.5 Calon **tidak** dibenarkan membawa masuk Jadual Waktu Peperiksaan, buku, nota, kertas, telefon bimbit, atau peralatan lain yang tidak dibenarkan ke dalam dewan/bilik peperiksaan.

7 Perpindahan Pusat Peperiksaan

- 7.1 Permohonan untuk berpindah ke pusat peperiksaan yang lain hendaklah dikemukakan **tidak** lewat dari **sebulan** sebelum hari pertama peperiksaan bagi sesuatu penggal bermula. **Permohonan yang diterima selepas tempoh tersebut tidak akan dilayan.**
- 7.2 Perpindahan calon dari satu pusat ke satu pusat yang lain hanya dibenarkan atas sebab yang munasabah, dan bayaran sebanyak **RM50.00** akan dikenakan kepada setiap calon jika **permohonan dibuat selepas pendaftaran ditutup** bagi sesuatu penggal.
- 7.3 Calon sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan dinasihatkan memilih sekolah yang mempunyai mata pelajaran yang sama dengan yang telah didaftarkan bagi memudahkan pengendalian Kerja Kursus calon.
- 7.4 Calon yang telah diluluskan perpindahan pusat peperiksaannya mestilah menduduki peperiksaan di pusat yang baharu dengan menggunakan nombor pusat dan angka giliran yang baharu.
- 7.5 Calon yang memohon perpindahan pusat peperiksaan boleh menyemak status permohonan mereka melalui portal MPM.
- 7.6 Setiausaha Peperiksaan Sekolah/Institusi yang calon berpindah ke sekolah baharu hendaklah membuat permohonan tentang perpindahan pusat ke MPM bagi calon yang berpindah ke sekolah tersebut.

8 Penarikan Diri daripada Peperiksaan

- 8.1 Calon yang menarik diri daripada mengambil peperiksaan **tidak** akan dikembalikan yuran peperiksaannya.
- 8.2 Yuran peperiksaan hanya akan dikembalikan bagi kes yang berikut:
 - (a) Calon yang sakit berpanjangan dan dapat mengemukakan surat pengesahan tentang penyakitnya oleh Pegawai Perubatan Kerajaan.
 - (b) Calon yang meninggal dunia (salinan surat perakuan kematian hendaklah dikemukakan oleh ahli keluarga atau wakilnya).
 - (c) Calon yang diluluskan permohonannya untuk memasuki IPTA atau IPTS (salinan surat kelulusan hendaklah dikemukakan oleh calon).
- 8.3 Calon/waris yang ingin menuntut pengembalian yuran STPM hendaklah mengemukakan permohonan secara bertulis kepada Ketua Eksekutif MPM (u.p. Setiausaha Bahagian Pengendalian Peperiksaan STPM dan MUET) berserta dengan slip pembelian pin MEC atau resit pembelian wang pos/kiriman wang.
- 8.4 Jumlah yuran yang akan dikembalikan dalam perkara 8.2 di atas akan ditentukan oleh MPM.

9 Penangguhan Peperiksaan

- 9.1 Calon yang ingin menangguhkan penggal peperiksaan pada mana-mana penggal hendaklah mengemukakan permohonannya **secara bertulis kepada Ketua Eksekutif, MPM** dengan memberikan sebab yang munasabah dan menyertakan bukti kepada MPM **sebulan sebelum tarikh peperiksaan** tersebut bermula. Kelulusan permohonan untuk menangguhkan peperiksaan ini tertakluk kepada pertimbangan MPM.
- 9.2 Calon yang diluluskan oleh MPM untuk menangguhkan peperiksaan pada penggal 1 atau penggal 2 hendaklah menduduki peperiksaan ulangan penggal 1 atau ulangan penggal 2 peperiksaan STPM pada penggal 3 tahun yang sama. **Tiada Penangguhan** untuk peperiksaan penggal 3 (calon **mesti** menduduki peperiksaan penggal 3)

10 Penyakit Berjangkit

Calon yang menghidap sebarang penyakit berjangkit biasanya **tidak** dibenarkan mengambil peperiksaan. Jika dibenarkan, calon akan mengambil peperiksaan di bilik yang berasingan. MPM hendaklah diberi maklum akan perkara ini dengan segera.

11 Calon Kes Istimewa

- 11.1 Bagi calon kes istimewa atau calon kurang upaya (buta, rabun, spastik, autisme, sengau, bisu, pekak, dan lain-lain), permohonan awal diperlukan supaya penyiasatan dapat dibuat dan persediaan khas dapat diadakan bagi calon berkenaan. Pengetua sekolah/calon persendirian individu dikehendaki mengemukakan permohonan berserta dengan dokumen sokongan kepada MPM dan salinan kepada Jabatan Pendidikan Negeri (u.p. Sektor/Unit Penilaian dan Peperiksaan) **selewat-lewatnya satu minggu** selepas tarikh tutup pendaftaran.
- 11.2 Pengetua sekolah boleh memohon pertimbangan khas untuk diberikan kepada seseorang calon sekolah yang prestasi peperiksaanannya mungkin terjejas disebabkan oleh sesuatu penyakit yang baharu dihidapnya atau kejadian malang yang menimpa dirinya. Permohonan boleh dibuat secara bertulis berserta dengan bukti dokumen sokongan kepada MPM **selewat-lewatnya sehari** selepas tarikh akhir peperiksaan bertulis.
- 11.3 Pengetua sekolah/Ketua Pengawas boleh memohon untuk mendapatkan jurupindah tulis (Pengawas tambahan) bagi calon yang tidak dapat menulis sendiri akibat kecederaan dan sebagainya. Bagi calon yang menggunakan perkhidmatan jurupindah tulis (Pengawas tambahan), skrip jawapan calon perlu dihantar bersama pita/CD rakaman jawapan calon. Jabatan Pendidikan Negeri (sektor/ unit Penilaian dan Peperiksaan) perlu memaklumkan kepada MPM dengan kadar **SEGERA** secara bertulis beserta dengan bukti dokumen sokongan tentang perkara ini.

12 Bahan yang Dibawa oleh Calon

- 12.1 Calon dikehendaki membawa Kad Pengenalan/Mykad atau dokumen pengenalan diri yang bergambar yang lain semasa menghadiri setiap sesi dan sidang peperiksaan.

- 12.2 Calon dikehendaki membawa alat tulis, alat matematik, dan alat lukisan sendiri. Calon dikehendaki menulis jawapan dengan menggunakan **pena mata bulat** berdakwat **hitam** atau **biru** sahaja. Penggunaan dakwat berwarna yang lain adalah **tidak** dibenarkan, tetapi pensel dan catan warna lain boleh digunakan untuk melukis gambar rajah dan peta. Penggunaan sebarang jenis pemadam **tidak** digalakkan. Bagi ujian kertas aneka pilihan, calon hendaklah membawa pensel **2B** atau **BB** dan getah pemadam sendiri.
- 12.3 *Flexicurve* boleh digunakan bagi mana-mana kertas yang memerlukan lukisan bergraf.
- 12.4 Kalkulator elektronik yang senyap dan **tidak** boleh diprogram sahaja yang boleh digunakan dalam peperiksaan STPM **kecuali** soalan tertentu **tidak** membenarkan penggunaannya. Pusat peperiksaan **tidak** bertanggungjawab untuk menyediakan punca kuasa bagi kalkulator. Bahan lain yang berkaitan dengan kalkulator tersebut seperti manual pengguna **tidak** boleh dibawa masuk ke dalam dewan/bilik peperiksaan.

13 Perhatian untuk Calon

Calon diminta mengambil perhatian tentang perkara yang berikut:

- (a) Calon **tidak** boleh membawa masuk telefon bimbit, kamera, radio, perakam suara, dan apa-apa peranti elektronik berkeupayaan *bluetooth/wifi* serta alat-alat berbahaya ke dalam dewan/bilik peperiksaan **kecuali** yang dibenarkan oleh Ketua Pengawas.
- (b) Calon **tidak** boleh menghantar skrip jawapan/sebahagian daripada skrip jawapan yang dibawa keluar daripada dewan peperiksaan sama ada semasa atau selepas tamat peperiksaan dengan apa juga alasan. Ketua Pengawas **tidak** akan menerima skrip jawapan/sebahagian daripada skrip jawapan tersebut.
- (c) Calon hendaklah memberitahu Pengawas dengan **serta-merta** sekiranya
 - (i) calon telah diberi kertas soalan bagi sesuatu kertas yang **tidak** diambil olehnya, atau
 - (ii) calon telah diberi kertas soalan yang lain daripada yang dijadualkan bagi sesi peperiksaan berkenaan.
- (d) Calon **tidak** dibenarkan melipat kertas tulis yang dibekalkan untuk mengelakkan calon daripada disyaki membawa masuk kertas tulis. Jika calon menerima kertas tulis yang mempunyai kesan lipatan, calon diminta menyerahkan semula kertas tulis itu kepada Pengawas.
- (e) Calon **tidak** dibenarkan membawa keluar kertas tulis sama ada yang telah atau yang belum digunakan dari dewan/bilik peperiksaan.
- (f) Calon **tidak** dibenarkan merokok di dalam dewan/bilik peperiksaan/kawasan sekolah.
- (g) Calon dinasihati supaya berpakaian kemas dan sesuai serta sentiasa mengikut tatatertib di dalam dewan/ bilik peperiksaan.

14 Pembatalan Keputusan dan Penyingkiran Calon

14.1 Selaras dengan Akta MPM, calon diberi amaran oleh MPM supaya:

- (a) **Jangan** membawa atau menerima daripada sesiapa sahaja, apa-apa buku, nota, kertas, dokumen, gambar, atau apa-apa peranti lain, **kecuali** apa yang dibenarkan oleh Ketua Pengawas peperiksaan;
- (b) **Jangan** berhubung dengan mana-mana calon lain atau mana-mana orang semasa peperiksaan berlangsung, walau dengan apa cara sekalipun, **kecuali** dengan kebenaran Ketua Pengawas;
- (c) **Jangan** melanggar atau tidak mematuhi apa-apa arahan Majlis Peperiksaan Malaysia, Ketua Pengawas, atau Pengawas;
- (d) **Jangan** mengganggu ketenteraman atau melakukan kekacauan di dalam atau di sekitar dewan/bilik peperiksaan;
- (e) **Jangan** bersubahat dengan seorang lain dengan tujuan untuk menipu;
- (f) **Jangan** mewakilkan orang lain menduduki peperiksaan ini untuk diri calon;
- (g) **Jangan** menipu atau cuba menipu, atau berkelakuan dengan cara yang boleh dianggap sebagai menipu, atau cuba menipu untuk tujuan peperiksaan ini.

14.2 Jika calon melanggar mana-mana amaran pada para 14.1 di atas sama ada dengan cara disedari atau **tidak** disedari, calon akan didakwa di bawah kaedah 3 dan 4, Akta Majlis Peperiksaan Malaysia 1980 [Akta 225], Kaedah Majlis Peperiksaan Malaysia (Tatacara Dalam Kes Salah Laku, 1986).

14.3 Jika Majlis berpuas hati bahawa seseorang calon telah melanggar arahan dan amaran bagi peperiksaan ini atau terlibat dalam sebarang perbuatan luar biasa, biadab atau melakukan sebarang perbuatan tidak jujur yang bersabit dengan peperiksaan ini, Majlis berhak menyingkirkan calon berkenaan daripada peperiksaan ini dan **tidak** membenarkannya meneruskan peperiksaan ini, membatalkan keputusannya bagi mana-mana kertas atau mata pelajaran atau membatalkan keputusannya bagi seluruh peperiksaan ini, dan **tidak** membenarkan calon mendaftarkan diri sebagai calon untuk peperiksaan STPM bagi suatu tempoh yang difikirkan patut oleh Majlis.

14.4 Jika Majlis berpuas hati bahawa sesuatu perbuatan salah laku atau perbuatan melanggar arahan atau amaran bagi peperiksaan ini telah berlaku dengan meluas di sesuatu pusat peperiksaan, atau keadaan pada masa peperiksaan itu dijalankan **tidak** memuaskan, maka Majlis berhak membatalkan seluruh peperiksaan di pusat berkenaan atau membatalkan peperiksaan bagi satu mata pelajaran atau lebih di pusat peperiksaan berkenaan.

14.5 Calon yang disabitkan dengan kes salah laku dalam mana-mana penggal, tidak akan dibenarkan untuk mendaftar peperiksaan ulangan bagi penggal tersebut. Kertas yang disabitkan dengan kes salah laku pada mana-mana penggal, akan menyebabkan gred matapelajaran tersebut dibatalkan (Kod Z). Sekiranya calon disabitkan dengan kes salah laku dalam mana-mana peperiksaan ulangan penggal, calon juga akan mendapat hukuman yang sama.

15 Pemberitahuan tentang Keputusan Peperiksaan

- 15.1 Keputusan bagi ketiga-tiga penggal yang menunjukkan gred kertas akan dimuat naik ke portal MPM mengikut penggal. Calon boleh mencetak slip keputusan masing-masing daripada portal MPM. Keputusan ini boleh juga disemak melalui SMS. Untuk menghantar SMS, taip **STPM<jarak><nombor kad pengenalan>**, dan **hantar ke 15888**.
- 15.2 Keputusan keseluruhan peperiksaan bagi semua penggal yang digabungkan yang menunjukkan gred kertas, gred mata pelajaran, dan nilai gred mata pelajaran akan dikeluarkan semasa pengumuman keputusan peperiksaan STPM melalui Pengarah Pendidikan Negeri (Sektor/Unit Penilaian dan Peperiksaan) dalam bentuk slip keputusan STPM. Slip keputusan ini **bukan** sijil (rujuk para 19.5 pada halaman 20). Calon boleh juga menyemak keputusan STPM masing-masing melalui portal MPM dan SMS.
- 15.3 Gred kertas dan gred mata pelajaran ditunjukkan dengan gred A hingga F, dengan gred A sebagai gred yang tertinggi, dan gred F sebagai gred gagal. Setiap gred mata pelajaran diberi Nilai Gred Mata Pelajaran (NGMP).
- 15.4 Gred kertas, gred mata pelajaran, dan NGMP yang dinyatakan dalam slip keputusan adalah seperti dalam jadual yang berikut:

GRED KERTAS	GRED MATA PELAJARAN	NGMP	TAHAP PENCAPAIAN
A	A	4.00	Lulus Penuh
A–	A–	3.67	Lulus Penuh
B+	B+	3.33	Lulus Penuh
B	B	3.00	Lulus Penuh
B–	B–	2.67	Lulus Penuh
C+	C+	2.33	Lulus Penuh
C	C	2.00	Lulus Penuh
C–	C–	1.67	Lulus Sebahagian
D+	D+	1.33	Lulus Sebahagian
D	D	1.00	Lulus Sebahagian
F	F	0.00	Gagal

- 15.5 Bagi gred mata pelajaran, gred C hingga A yang diberi nilai 2.00 hingga 4.00 ialah gred lulus penuh, manakala gred D hingga C– yang diberi nilai 1.00 hingga 1.67 ialah gred lulus sebahagian, dan gred F yang diberi nilai 0.00 ialah gred gagal. **NGMP ditentukan berasaskan wajaran setiap kertas dan jumlah markah bagi mata pelajaran berkenaan.**

- 15.6 Pengiraan Purata Nilai Gred Keseluruhan (PNGK) adalah berdasarkan purata **empat** mata pelajaran terbaik termasuk Pengajian Am (tertakluk kepada kaedah yang digunakan oleh Bahagian Pengurusan Kemasukan Pelajar (BPKP), Kementerian Pendidikan Tinggi). PNGK tidak akan tertera sekiranya calon **tidak** menduduki sekurang-kurangnya 4 mata pelajaran termasuk Pengajian Am.

Contoh pengiraan PNGK:

Contoh 1:

Bil.	Mata Pelajaran	Gred	Markah
1.	Pengajian Am	B+	3.33
2.	<i>Physics</i>	B	3.00
3.	<i>Chemistry</i>	A-	3.67
4.	<i>Biology</i>	A	4.00
			14.00

$$\text{Jumlah Mata Nilai} = 3.33 + 3.00 + 3.67 + 4.00$$

$$\begin{aligned}\text{PNGK} &= \frac{14.00}{4} \\ &= \mathbf{3.50}\end{aligned}$$

Contoh pengiraan PNGK:

Contoh 2:

Bil.	Mata Pelajaran	Gred	Markah
1.	Pengajian Am	C+	2.33
2.	<i>Physics</i>	C	2.00
3.	<i>Chemistry</i>	B-	2.67
4.	<i>Biology</i>	D	1.00
5.	<i>Mathematics</i>	C	2.00
			9.00

$$\text{Jumlah Mata Nilai} = 2.33 + 2.00 + 2.67 + 2.00$$

$$\begin{aligned}\text{PNGK} &= \frac{9.00}{4} \\ &= \mathbf{2.25}\end{aligned}$$

Contoh pengiraan PNGK:

Contoh 3:

Bil.	Mata Pelajaran	Gred	Markah
1.	Pengajian Am	X	–
2.	<i>Physics</i>	C	2.00
3.	<i>Chemistry</i>	B-	2.67
4.	<i>Biology</i>	D	1.00
5.	<i>Mathematics</i>	F	0.00

Jumlah Mata Nilai = Tiada

PNGK = Tiada

- 15.7 Calon akan mendapat keputusan keseluruhan kod X dalam sesuatu mata pelajaran bagi kes yang berikut:
- (a) **tidak** hadir menduduki peperiksaan bertulis dalam mana-mana kertas
 - (b) **tidak** menghantar Kerja Kursus (**tiada** markah Kerja Kursus)
 - (c) **tidak** hadir menduduki peperiksaan bertulis kertas alternatif bertulis menggantikan kerja kursus (calon yang mendaftar kertas alternatif)
- 15.8 MPM berhak meminda maklumat pada slip keputusan yang dikirimkan kepada calon sebelum pengeluaran sijil.
- 15.9 Calon yang disabitkan dengan kes salah laku dalam mana-mana penggal, tidak akan dibenarkan untuk mendaftar peperiksaan ulangan bagi penggal tersebut. Kertas yang disabitkan dengan kes salah laku pada mana-mana penggal, akan menyebabkan gred mata pelajaran tersebut dibatalkan (Kod Z). Sekiranya, calon disabitkan dengan kes salah laku dalam mana-mana ulangan penggal juga, akan mendapat hukuman yang sama.
- 15.10 Penerangan berkaitan dengan kod yang mungkin akan tercetak pada slip keputusan peperiksaan calon mengikut kes adalah seperti yang berikut:

Kod	Penerangan Kes Calon
W	Calon tidak menjelaskan bayaran yuran pendaftaran/bayaran sebagai calon bantahan/bayaran pindah/tumpang pusat/caj pembetulan maklumat.
X	Calon tidak hadir menduduki Peperiksaan/calon tidak menghantar kerja kursus.
Y	Keputusan calon ditahan disebabkan siasatan kes salah laku.
Z	Keputusan kertas/mata pelajaran calon dibatalkan kerana calon disabitkan kes salah laku.

- 15.11 Calon yang mendaftar peperiksaan bagi kertas Ulangan Penggal 1 atau Ulangan Penggal 2 bagi mana-mana kertas tetapi tidak hadir, maka markah peperiksaan kertas tersebut diambil daripada markah peperiksaan Penggal 1 atau Penggal 2.

16 Kerja Kursus

- 16.1 Kerja Kursus bagi mata pelajaran berkenaan merupakan komponen yang **WAJIB** diambil oleh setiap calon. Kegagalan calon menjalankan Kerja Kursus atau menghantar Kerja Kursus pada tarikh yang ditetapkan akan menyebabkan calon mendapat keputusan kod **X** pada kertas dan mata pelajaran tersebut.
- 16.2 Kerja Kursus STPM terdiri daripada **tiga** bentuk kerja kursus, iaitu kertas projek, kajian lapangan, dan amali sains. Dalam aspek wajaran pula, peratusan wajaran yang ditawarkan dalam Kerja Kursus adalah berbeza mengikut mata pelajaran, iaitu antara 20% hingga 40%.
- 16.3 Manual Kerja Kursus bagi setiap mata pelajaran untuk guru dan calon boleh dimuat turun daripada portal MPM pada penggal yang menawarkan Kerja Kursus.
- 16.4 Soalan Kerja Kursus boleh dimuat turun pada penggal yang menawarkan Kerja Kursus melalui portal MPM.
- 16.5 Bagi calon yang **mengambil mata pelajaran baharu** berbanding tahun lepas dan **tiada** markah Kerja Kursus tahun sebelumnya, calon dikehendaki mengambil kertas peperiksaan alternatif bertulis yang menggantikan Kerja Kursus. Namun demikian, sekiranya mata pelajaran tersebut tidak menawarkan kertas peperiksaan alternatif bertulis yang menggantikan Kerja Kursus, calon dikehendaki melaksanakan Kerja Kursus (sila rujuk Senarai Mata Pelajaran dan Kertas pada halaman 24-28).

17 Peluang Memperbaiki Keputusan Peperiksaan (Peperiksaan Ulangan)

- 17.1 **Tiada** prasyarat kelulusan gred minimum dalam sesuatu penggal untuk melayakkan pelajar mengikuti pengajian pada penggal yang berikutnya.
- 17.2 Calon hanya dibenarkan mengulang peperiksaan bertulis penggal 1 dan/atau peperiksaan bertulis penggal 2 bagi tujuan memperbaiki keputusan peperiksaan berkenaan pada hujung **penggal 3 sahaja**. Peluang untuk menduduki peperiksaan ulangan bagi penggal yang berkenaan **hanya sekali sahaja**.
- 17.3 Keputusan peperiksaan yang terbaik (skor tertinggi) akan diambil kira antara peperiksaan bertulis yang diduduki kali pertama dengan kali kedua.
- 17.4 Calon yang ingin mengulang peperiksaan bertulis sesuatu penggal akan dikenakan caj sebanyak **RM50.00** per kertas. Calon hendaklah membeli PIN MEC untuk nombor mendaftar peperiksaan ulangan.
- 17.5 **Tiada** peperiksaan ulangan bagi Kerja Kursus dan juga peperiksaan kertas alternatif bertulis yang menggantikan Kerja Kursus serta **semua kertas bertulis** Penggal 3.

- 17.6 Calon yang **tidak hadir** dalam peperiksaan penggal dengan alasan yang tidak munasabah dan calon yang disabitkan dengan kes salah laku **tidak** dibenarkan untuk mendaftar peperiksaan ulangan. Ini kerana peperiksaan STPM merupakan peperiksaan awam yang diiktiraf.
- 17.7 Calon yang hendak menukar mata pelajaran yang telah didaftarkan bagi peperiksaan ulangan **selepas tarikh tutup pendaftaran**, caj sebanyak RM50.00 akan dikenakan. Calon yang ingin menukar mata pelajaran **sebulan selepas tarikh tutup pendaftaran tidak akan dilayan**.

18 Rayuan Penyemakan Semula Keputusan Peperiksaan Penggal

- 18.1 Rayuan penyemakan semula keputusan peperiksaan penggal sama ada oleh calon sekolah atau calon persendirian individu hendaklah dikemukakan terus ke MPM secara atas talian dengan membeli nombor PIN MEC daripada Bank Simpanan Nasional. Maklumat lanjut berkaitan dengan rayuan penyemakan semula keputusan peperiksaan boleh didapati daripada portal MPM.
- 18.2 Rayuan penyemakan semula keputusan akan dikenakan bayaran sebanyak **RM50.00** bagi satu kertas.
- 18.3 **Tiada** rayuan penyemakan semula untuk **kertas peperiksaan alternatif bertulis, Kerja Kursus, dan kertas peperiksaan ulangan**.
- 18.4 Cara penyemakan semula keputusan peperiksaan adalah seperti yang berikut:
- (a) Menyemak penghitungan markah dan ketepatan gred yang diberikan bagi sesuatu kertas dan mata pelajaran
 - (b) Memeriksa semula skrip jawapan calon
- 18.5 Keputusan penyemakan semula akan dimaklumkan kepada calon melalui portal MPM.
- 18.6 Keputusan penyemakan semula yang dibuat oleh MPM adalah muktamad.

19 Sijil

- 19.1 Sijil akan dianugerahkan kepada calon yang mendapat sekurang-kurangnya lulus sebahagian dalam satu mata pelajaran (rujuk para 15.4 pada halaman 15). Semua sijil akan dikeluarkan melalui Pengarah Pendidikan Negeri (u.p. Sektor/Unit Penilaian dan Peperiksaan) selewat-lewatnya pada 30 Jun 2018.
- 19.2 Calon sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan hendaklah mengambil sijil mereka di sekolah masing-masing.
- 19.3 Calon sekolah swasta dan calon persendirian individu hendaklah mengambil sijil mereka di Jabatan Pendidikan Negeri (u.p. Sektor/Unit Penilaian dan Peperiksaan) masing-masing.

- 19.4 Calon diberi tempoh 24 bulan (2 tahun) selepas sijil dihantar kepada Pengarah Pendidikan Negeri (u.p. Sektor/Unit Penilaian dan Peperiksaan) untuk mengambil sijil mereka. Selepas tempoh tersebut, pihak sekolah atau Jabatan Pendidikan Negeri (u.p. Sektor/Unit Penilaian dan Peperiksaan) akan mengembalikan sijil yang tidak dituntut ke MPM. Calon yang ingin mendapatkan sijil selepas tempoh tersebut hendaklah berurusan terus dengan MPM (u.p. Setiausaha Bahagian Pengendalian STPM dan MUET) dan akan dikenakan caj sebanyak **RM50.00**. Bayaran hendaklah dibuat dengan menggunakan kiriman wang (*money order*) atas nama **Ketua Eksekutif, Majlis Peperiksaan Malaysia**.
- 19.5 Sijil STPM hanya dikeluarkan **sekali sahaja** bagi tahun peperiksaan berkenaan, iaitu selepas calon selesai menduduki peperiksaan bagi ketiga-tiga penggal. Calon yang kehilangan sijil hanya boleh memohon untuk mendapatkan penyata keputusan atau salinan sijil. Permohonan ini hendaklah disertai maklumat calon, seperti nama penuh, nama sekolah (jika ada), tahun peperiksaan diambil, nama pusat peperiksaan, nombor kad pengenalan, dan angka giliran.
- Caj sebanyak **RM20.00** bagi satu penyata keputusan akan dikenakan bagi permohonan kali pertama, **RM30.00** bagi permohonan kali kedua, dan **RM50.00** bagi permohonan kali ketiga dan seterusnya. Bagi **salinan sijil**, caj sebanyak **RM50.00** akan dikenakan bagi setiap permohonan. Bayaran hendaklah dibuat dengan menggunakan kiriman wang (*money order*) atas nama **Ketua Eksekutif, Majlis Peperiksaan Malaysia**.
- 19.6 Calon yang ingin mendapatkan transkrip sijil STPM dalam versi bahasa Inggeris hendaklah mengemukakan bahan yang berikut:
- (a) Surat permohonan transkrip sijil yang menyatakan alamat universiti luar negara yang dipohon
 - (b) Salinan slip keputusan atau salinan sijil
 - (c) Bayaran perkhidmatan sebanyak **RM50.00** bagi setiap transkrip yang dibuat secara kiriman wang (*money order*) atas nama **Ketua Eksekutif, Majlis Peperiksaan Malaysia**
- 19.7 Transkrip sijil STPM dalam versi bahasa Inggeris akan dihantar terus oleh MPM kepada universiti/institusi yang berkenaan. Salinan transkrip dan salinan surat tentang penghantaran transkrip kepada universiti berkenaan akan dihantar kepada calon.
- 19.8 Sekiranya terdapat sebab tertentu keputusan calon dibatalkan, MPM berhak menarik balik sijil STPM yang telah dikeluarkan kepada calon.

20 Laporan Peperiksaan

Laporan peperiksaan yang memberikan ulasan tentang jawapan calon dalam peperiksaan STPM akan dikeluarkan pada tahun berikutnya. Laporan ini akan dimuat naik ke portal MPM.

21 Hasil Kerja Calon

- 21.1 Skrip jawapan calon dan hasil kerja calon dalam sebarang bentuk untuk peperiksaan ini akan menjadi **hak milik MPM**.

- 21.2 Markah yang diperoleh oleh calon dalam peperiksaan STPM diperingkatkan sebagai **SULIT** dan tidak dizahirkan.

22 Pemilihan Mata Pelajaran

- 22.1 Calon hendaklah mengambil sekurang-kurangnya **satu** mata pelajaran tetapi calon hendaklah merujuk kepada Buku Panduan Kemasukan Pelajar untuk kemasukan ke IPTA
- 22.2 Calon dibenarkan mengambil maksima **lima** mata pelajaran termasuk Pengajian Am. Calon dinasihatkan agar mengambil mata pelajaran Pengajian Am berserta mata pelajaran pilihan lain kerana pemilihan kemasukan ke IPTA akan mengambil kira gred keputusan Pengajian Am yang diambil dalam satu peperiksaan.
- 22.3 Calon **tidak** boleh mengambil kombinasi mata pelajaran atau kertas yang **tidak** dibenarkan oleh sukatan pelajaran peperiksaan.
- 22.4 Permohonan untuk mengambil mata pelajaran yang **tidak** ditawarkan oleh sekolah yang dikemukakan selepas peperiksaan penggal 1 berlangsung atau pada penggal 2 **tidak** akan dilayan. Sekiranya MPM menerima permohonan yang sedemikian sedangkan calon telah pun menduduki peperiksaan bagi kertas yang dipohon, maka keputusan peperiksaan calon bagi kertas yang tersebut akan dibatalkan (walaupun calon menduduki peperiksaan secara bantahan). Jika calon menduduki juga peperiksaan tersebut sebagai calon bantahan, maka caj sebanyak RM50.00 akan dikenakan.
- 22.5 Calon jenis 1, 7, dan 8 **dibenarkan** untuk mengambil mata pelajaran yang **tidak** ditawarkan di sekolah/institusi (luar pakej sekolah) dengan syarat mata pelajaran yang hendak diambil itu mempunyai **kertas alternatif bertulis** yang menggantikan kerja kursus. Namun demikian, kelulusan untuk mengambil kertas alternatif bertulis ini di sekolah perlu **mendapat kebenaran MPM secara bertulis**. Pengetua sekolah bertanggungjawab memaklumkan kepada JPN berkenaan perkara ini. Pendaftaran calon yang ingin mengambil mata pelajaran yang **tidak** ditawarkan di sekolah/institusi hendaklah dihantar terus oleh Pengetua/Setiausaha Peperiksaan Sekolah/Institusi ke MPM (u.p. Setiausaha Bahagian Pengendalian STPM dan MUET) sebelum tarikh tutup pendaftaran penggal 1 dan salinan ke JPN. Sekolah **tidak** dibenarkan meneruskan tawaran peperiksaan kertas alternatif bertulis ini sehingga **mendapat kelulusan MPM**.
- 22.6 Sekiranya perkara pada para 22.5 tidak dapat diurus oleh sekolah atau mata pelajaran yang ingin diambil **tidak** ditawarkan oleh sekolah, calon dinasihatkan untuk berpindah ke sekolah yang menawarkan mata pelajaran tersebut. Perpindahan tersebut adalah tanggungjawab calon.

23 Mata Pelajaran yang Ditawarkan dan Buku Sukatan Pelajaran Peperiksaan

23.1 Sebanyak 22 mata pelajaran ditawarkan dalam peperiksaan STPM 2017 seperti yang disenaraikan di bawah ini:

Bil.	Kod	Mata Pelajaran
1.	900	Pengajian Am
2.	910	Bahasa Melayu
3.	911	Bahasa Cina
4.	912	Bahasa Tamil
5.	913	Bahasa Arab
6.	920	<i>Literature in English</i>
7.	922	Kesusasteraan Melayu Komunikatif
8.	930	Syariah
9.	931	Usuluddin
10.	940	Sejarah
11.	942	Geografi
12.	944	Ekonomi
13.	946	Pengajian Perniagaan
14.	948	Perakaunan
15.	950	<i>Mathematics (M)</i>
16.	954	<i>Mathematics (T)</i>
17.	958	<i>Information and Communications Technology</i>
18.	960	<i>Physics</i>
19.	962	<i>Chemistry</i>
20.	964	<i>Biology</i>
21.	966	Sains Sukan
22.	970	Seni Visual

23.2 Sukatan pelajaran peperiksaan bagi mata pelajaran peperiksaan STPM boleh dimuat turun daripada portal MPM.

Perhatian:

- (i) Calon yang mengambil kurang daripada lima mata pelajaran dalam peperiksaan STPM dinasihati supaya mengambil mata pelajaran Pengajian Am kerana pemilihan masuk ke IPTA mengambil kira gred keputusan Pengajian Am yang diambil dalam satu peperiksaan.
- (ii) Calon yang memohon masuk ke IPTA menggunakan keputusan STPM mesti menduduki *Malaysian University English Test (MUET)*.
- (iii) MUET dijalankan **tiga** kali setahun.
- (iv) Maklumat tentang MUET dapat diperoleh dalam buku ***MALAYSIAN UNIVERSITY ENGLISH TEST (MUET) – Regulations, Test Specifications, Test Format and Sample Questions***, dan melalui portal MPM.

SENARAI MATA PELAJARAN DAN KERTAS

Berikut ialah senarai mata pelajaran dan kertas yang ditawarkan dalam peperiksaan STPM 2017.

Bil	Kod dan Nama Mata Pelajaran		Kod dan Nama Kertas		Wajaran (%)	Masa	Nota
1.	900	Pengajian Am	900/1	Pengajian Am 1	29	2 jam	Semua kertas mesti diambil oleh semua jenis calon.
			900/2	Pengajian Am 2	22	1½ jam	
			900/3	Pengajian Am 3	29	2 jam	
			900/4	Pengajian Am 4 (Kerja Kursus)	20	Penggal 2	
2.	910	Bahasa Melayu	910/1	Bahasa Melayu 1	33	2 jam	Semua kertas mesti diambil oleh semua jenis calon.
			910/2	Bahasa Melayu 2	20	1½ jam	
			910/3	Bahasa Melayu 3	22	1½ jam	
			910/4	Bahasa Melayu 4 (Kerja Kursus)	8	Penggal 2	
			910/5	Bahasa Melayu 5 (Kerja Kursus)	17	Penggal 3	
3.	911	Bahasa Cina	911/1	Bahasa Cina 1	33.33	2 jam	Semua kertas mesti diambil oleh semua jenis calon.
			911/2	Bahasa Cina 2	33.33	2 jam	
			911/3	Bahasa Cina 3	33.33	2 jam	
4.	912	Bahasa Tamil	912/1	Bahasa Tamil 1	33.33	2 jam	Semua kertas mesti diambil oleh semua jenis calon.
			912/2	Bahasa Tamil 2	33.33	2 jam	
			912/3	Bahasa Tamil 3	33.33	2 jam	
5.	913	Bahasa Arab	913/1	Bahasa Arab 1	28	2 jam	Semua kertas mesti diambil oleh semua jenis calon.
			913/2	Bahasa Arab 2	28	2 jam	
			913/3	Bahasa Arab 3	20	1½ jam	
			913/4	Bahasa Arab 4 (Ujian Lisan)	12	15 minit	
			913/5	Bahasa Arab 5 (Kerja Kursus)	12	Penggal 3	
6.	920	Literature in English	920/1	Literature in English 1	33.33	2 jam	Semua kertas mesti diambil oleh semua jenis calon.
			920/2	Literature in English 2	33.33	2 jam	
			920/3	Literature in English 3	33.33	2 jam	

Bil	Kod dan Nama Mata Pelajaran		Kod dan Nama Kertas		Wajaran (%)	Masa	Nota
7.	922	Kesusasteraan Melayu Komunikatif	922/1	Kesusasteraan Melayu Komunikatif 1	26.67	2 jam	Semua kertas mesti diambil oleh semua jenis calon.
			922/2	Kesusasteraan Melayu Komunikatif 2	26.67	2 jam	
			922/3	Kesusasteraan Melayu Komunikatif 3	26.67	2 jam	
			922/4	Kesusasteraan Melayu Komunikatif 4 (Kerja Kursus)	20	Penggal 2 hingga Penggal 3	
8.	930	Syariah	930/1	Syariah 1	26.67	2 jam	Semua kertas mesti diambil oleh semua jenis calon.
			930/2	Syariah 2	26.67	2 jam	
			930/3	Syariah 3	26.67	2 jam	
			930/4	Syariah 4 (Kerja Kursus)	20	Penggal 2	
9.	931	Usuluddin	931/1	Usuluddin 1	26.67	2 jam	Semua kertas mesti diambil oleh semua jenis calon.
			931/2	Usuluddin 2	26.67	2 jam	
			931/3	Usuluddin 3	26.67	2 jam	
			931/4	Usuluddin 4 (Kerja Kursus)	20	Penggal 3	
10.	940	Sejarah	940/1	Sejarah 1	29	2 jam	Semua kertas mesti diambil oleh semua jenis calon.
			940/2	Sejarah 2	22	1½ jam	
			940/3	Sejarah 3	29	2 jam	
			940/4	Sejarah 4 (Kerja Kursus)	20	Penggal 2	
11.	942	Geografi	942/1	Geografi 1	32	2 jam	Kertas 1, Kertas 2, dan Kertas 3 mesti diambil oleh semua jenis calon. Calon jenis 1 dan 7 dikehendaki mengambil Kertas 4. Calon jenis 2, 3, 8, dan calon yang mengambil Geografi di luar pakej yang ditawarkan oleh sekolah dikehendaki mengambil kertas 5.
			942/2	Geografi 2	32	2 jam	
			942/3	Geografi 3	16	1 jam	
			942/4	Geografi 4 (Kerja Kursus)	20	Penggal 3	
			942/5	Geografi 5	20	1¼ jam	
12.	944	Ekonomi	944/1	Ekonomi 1	32	2 jam	Semua kertas mesti diambil oleh semua jenis calon.
			944/2	Ekonomi 2	32	2 jam	
			944/3	Ekonomi 3	16	1 jam	
			944/4	Ekonomi 4 (Kerja Kursus)	20	Penggal 3	

Bil	Kod dan Nama Mata Pelajaran		Kod dan Nama Kertas		Wajaran (%)	Masa	Nota
13.	946	Pengajian Perniagaan	946/1	Pengajian Perniagaan 1	25	1¼ jam	Semua kertas mesti diambil oleh semua jenis calon.
			946/2	Pengajian Perniagaan 2	25	1¼ jam	
			946/3	Pengajian Perniagaan 3	25	1¼ jam	
			946/4	Pengajian Perniagaan 4 (Kerja Kursus)	25	Penggal 3	
14.	948	Perakaunan	948/1	Perakaunan 1	33.33	2 jam	<p>Kertas 1, Kertas 2, dan Kertas 3 mesti diambil oleh semua jenis calon.</p> <p>Calon jenis 1 dan 7 dikehendaki mengambil Kertas 4.</p> <p>Calon jenis 2, 3, 8, dan calon yang mengulang peperiksaan STPM, serta calon yang mengambil Perakaunan di luar pakej yang ditawarkan oleh sekolah dikehendaki mengambil Kertas 5.</p> <p>Sekiranya calon jenis 2 berminat untuk mengambil Kertas 4, pihak sekolah perlu menyediakan fasiliti dan mengemukakan permohonan kepada Majlis Peperiksaan Malaysia untuk kelulusan.</p>
			948/2	Perakaunan 2	33.33	2 jam	
			948/3	Perakaunan 3	16.67	1 jam	
			948/4	Perakaunan 4 (Kerja Kursus)	16.67	Penggal 3	
			948/5	Perakaunan 5	16.67	1¼ jam	
15.	950	Mathematics (M)	950/1	Mathematics (M) 1	26.67	1½ jam	Semua kertas mesti diambil oleh semua jenis calon. <i>Mathematics (M)</i> tidak boleh diambil bersama dengan <i>Mathematics (T)</i> .
			950/2	Mathematics (M) 2	26.67	1½ jam	
			950/3	Mathematics (M) 3	26.67	1½ jam	
			950/4	Mathematics (M) 4 (Course Work)	20	Penggal 1, 2, dan 3	
16.	954	Mathematics (T)	954/1	Mathematics (T) 1	26.67	1½ jam	Semua kertas mesti diambil oleh semua jenis calon. <i>Mathematics (T)</i> tidak boleh diambil bersama dengan <i>Mathematics (M)</i> .
			954/2	Mathematics (T) 2	26.67	1½ jam	
			954/3	Mathematics (T) 3	26.67	1½ jam	
			954/4	Mathematics (T) 4 (Course Work)	20	Penggal 1, 2, dan 3	

Bil	Kod dan Nama Mata Pelajaran		Kod dan Nama Kertas		Wajaran (%)	Masa	Nota
17.	958	<i>Information and Communications Technology</i>	958/1	Information and Communications Technology 1	20	1½ jam	Semua kertas mesti diambil oleh calon. Mata pelajaran ini hanya boleh diambil oleh calon dari sekolah kerajaan atau sekolah swasta yang dibenarkan oleh MPM untuk menawarkan mata pelajaran ini.
			958/2	Information and Communications Technology 2	20	1½ jam	
			958/3	Information and Communications Technology 3	20	1½ jam	
			958/4	Information and Communications Technology 4 (<i>Course Work</i>)	40	Penggal 1, 2, dan 3	
18.	960	<i>Physics</i>	960/1	Physics 1	26.67	1½ jam	Kertas 1, Kertas 2, dan Kertas 3 mesti diambil oleh semua jenis calon. Calon jenis 1 dan 7 dikehendaki mengambil Kertas 4. Calon jenis 2 boleh memilih untuk mengambil Kertas 4 atau Kertas 5 tertakluk kepada kelulusan Majlis Peperiksaan Malaysia. Calon jenis 3, 8, calon mengulang peperiksaan STPM, dan calon yang mengambil <i>Physics</i> di luar pakej yang ditawarkan oleh sekolah dikehendaki mengambil Kertas 5.
			960/2	Physics 2	26.67	1½ jam	
			960/3	Physics 3	26.67	1½ jam	
			960/4	Physics 4 (<i>Course Work</i>)	20	Penggal 1, 2, dan 3	
			960/5	Physics 5	20	1½ jam	
19.	962	<i>Chemistry</i>	962/1	Chemistry 1	26.67	1½ jam	Kertas 1, Kertas 2, dan Kertas 3 mesti diambil oleh semua jenis calon. Calon jenis 1 dan 7 dikehendaki mengambil Kertas 4. Calon jenis 2 boleh memilih untuk mengambil Kertas 4 atau Kertas 5 tertakluk kepada kelulusan Majlis Peperiksaan Malaysia. Calon jenis 3, 8, calon mengulang peperiksaan STPM, dan calon yang mengambil <i>Chemistry</i> di luar pakej yang ditawarkan oleh sekolah dikehendaki mengambil Kertas 5.
			962/2	Chemistry 2	26.67	1½ jam	
			962/3	Chemistry 3	26.67	1½ jam	
			962/4	Chemistry 4 (<i>Course Work</i>)	20	Penggal 1, 2, dan 3	
			962/5	Chemistry 5	20	1½ jam	

Bil	Kod dan Nama Mata Pelajaran		Kod dan Nama Kertas		Wajaran (%)	Masa	Nota
20.	964	<i>Biology</i>	964/1	Biology 1	26.67	1½ jam	Kertas 1, Kertas 2, dan Kertas 3 mesti diambil oleh semua jenis calon. Calon jenis 1 dan 7 dikehendaki mengambil Kertas 4. Calon jenis 2 boleh memilih untuk mengambil Kertas 4 atau Kertas 5 tertakluk kepada kelulusan Majlis Peperiksaan Malaysia. Calon jenis 3, 8, calon mengulang peperiksaan STPM, dan calon yang mengambil Biology di luar pakej yang ditawarkan oleh sekolah dikehendaki mengambil Kertas 5.
			964/2	Biology 2	26.67	1½ jam	
			964/3	Biology 3	26.67	1½ jam	
			964/4	Biology 4 (<i>Course Work</i>)	20	Penggal 1, 2, dan 3	
			964/5	Biology 5	20	1½ jam	
21.	966	Sains Sukan	966/1	Sains Sukan 1	25	1½ jam	Kertas 1, Kertas 2, dan Kertas 3 mesti diambil oleh semua jenis calon. Calon jenis 1, 7, dan 8 dikehendaki mengambil Kertas 4. Calon jenis 2 boleh memilih untuk mengambil Kertas 4 atau Kertas 5 tertakluk kepada kelulusan Majlis Peperiksaan Malaysia. Calon jenis 3, calon mengulang peperiksaan STPM, dan calon yang mengambil Sains Sukan di luar pakej yang ditawarkan oleh sekolah dikehendaki mengambil Kertas 5.
			966/2	Sains Sukan 2	25	1½ jam	
			966/3	Sains Sukan 3	25	1½ jam	
			966/4	Sains Sukan 4 (<i>Course Work</i>)	25	Penggal 1, 2, dan 3	
			966/5	Sains Sukan 5	25	2 jam	
22.	970	Seni Visual	970/1	Seni Visual 1	40	2 jam	Kertas 1 dan Kertas 2 mesti diambil oleh semua jenis calon. Calon jenis 1 dan 7 dikehendaki mengambil Kertas 3. Calon jenis 2, 3, 8, dan calon yang mengambil Seni Visual di luar pakej yang ditawarkan oleh sekolah dikehendaki mengambil Kertas 4.
			970/2	Seni Visual 2	35	3 jam	
			970/3	Seni Visual 3 (Kerja Kursus)	25	Penggal 3	
			970/4	Seni Visual 4	25	3 jam	

SENARAI BUKU SUKATAN PELAJARAN PEPERIKSAAN

Sukatan pelajaran peperiksaan yang lengkap bagi peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia 2017 dicetak dalam buku-buku yang berasingan mengikut mata pelajaran seperti yang berikut:

Bil.	Mata Pelajaran	Tahun Mula Digunakan*
1.	Pengajian Am	2012
2.	Bahasa Melayu	2012
3.	Bahasa Cina	2012
4.	Bahasa Tamil	2012
5.	Bahasa Arab	2012
6.	Literature in English	2012
7.	Kesusasteraan Melayu Komunikatif	2012
8.	Syariah	2012
9.	Usuluddin	2012
10.	Sejarah	2012
11.	Geografi	2012
12.	Ekonomi	2012
13.	Pengajian Perniagaan	2012
14.	Perakaunan	2012
15.	Mathematics (M)	2012
16.	Mathematics (T)	2012
17.	Information and Communications Technology	2012
18.	Physics	2012
19.	Chemistry	2012
20.	Biology	2012
21.	Sains Sukan	2012
22.	Seni Visual	2012

*Sukatan pelajaran peperiksaan ini digunakan bagi peperiksaan tahun berkenaan dan tahun-tahun seterusnya sehingga perubahan dimaklumkan. Sukatan pelajaran peperiksaan ini boleh dimuat turun daripada portal MPM.

“BAJET 2015: EKONOMI KEPERLUAN RAKYAT”

Tindakan Ke-8: Meningkatkan Kebolehpasaran Graduan

95. Keyakinan diri dan kemahiran graduan berkomunikasi dalam Bahasa Inggeris akan dipertingkatkan. Pada masa ini, syarat kemasukan am ke IPTA mengkehendaki pelajar mencapai tahap minimum di Band 1 dalam Malaysian University English Test atau MUET. Mulai tahun hadapan:

- (i) bagi kemasukan ke IPTA tahap minimum Band MUET ditingkatkan mengikut bidang pengajian seperti contoh berikut:
 - a) Pengajian Sastera dan Sains Sosial – Band 2
 - b) Pengajian Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik atau STEM – Band 3
 - c) Pengajian Undang-undang & Perubatan – Band 4

- (ii) sebagai syarat bergraduan pula, pelajar wajib mencapai:
 - a) Pengajian Sastera dan Sains Sosial - Band 3
 - b) Pengajian STEM – Band 4
 - c) Pengajian Undang-undang & Perubatan - Band 5

Saya juga ingin menyarankan IPTS melaksanakan langkah yang sama.

Petikan Ucapan Bajet Tahun 2015
oleh YAB Dato' Sri Mohd Najib Bin Tun Haji Abdul Razak
Perdana Menteri dan Menteri Kewangan Malaysia
ketika membentang Rang Undang-Undang Perbekalan (2015)
di Dewan Rakyat, pada Jumaat, 10 Oktober 2014

Halaman Kosong



Majlis Peperiksaan Malaysia
Persiaran 1
Bandar Baru Selayang
68100 BATU CAVES
Selangor, Darul Ehsan
www.mpm.edu.my
0361261600
0361367329
Edisi Mac 2017